

Ekokritikisme Dan Bencana: Puisi-Puisi A Halim Ali Dalam Memahami Interaksi Manusia dan Alam Semulajadi

Ecocriticism and Disaster: A Halim Ali's Poetry in Understanding Human and Nature Interactions

*Kamarul bin Ismail**
kamarul.ismail@fsk.upsi.edu.my
Mazdi Marzuki
mazdi@fsk.upsi.edu.my
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

**Corresponding author*

Received: 20 September 2024 ; Published: 31 Dec 2024

Ismail, K., & Marzuki, M. (2024). Ekokritikisme dan Bencana: Puisi-Puisi A Halim Ali Dalam Memahami Interaksi Manusia dan Alam Semulajadi. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 12(2), 46 - 56. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/192>

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan salingkaitan antara sastera dan geografi, dengan tumpuan kepada elemen ekokritik dalam karya sastera. Ekokritik, yang berasal daripada kajian ekologi, meneliti perwakilan alam semula jadi dan interaksi organisma dengan persekitaran dalam teks sastera. Melalui perspektif ekokritik, interaksi manusia dengan alam semula jadi dilihat secara holistik, melibatkan hubungan manusia dengan keseluruhan ekosistem yang saling melengkapi. Kajian ini menyoroti implikasi aktiviti manusia seperti tebus guna tanah terhadap alam sekitar, termasuk pencemaran sungai, banjir lumpur, dan peningkatan suhu, yang mengancam kesejahteraan kehidupan. Fokus utama artikel adalah analisis puisi-puisi A Halim Ali melalui antologi, *Meraut Air Limpah* (2007), yang menegenahkan isu-isu bencana alam. Melalui pendekatan ekokritik, artikel ini mengupas bagaimana puisi-puisi ini memberikan pemahaman tentang interaksi dinamik manusia dengan alam semula jadi, serta peranan sastera dalam meningkatkan kesedaran tentang kepentingan melestarikan alam sekitar.

Kata Kunci: Ekokritik, bencana, karya sastera, alam sekitar, geografi

ABSTRACT

This article explores the interconnection between literature and geography, focusing on the element of ecocriticism in literary works. Ecocriticism, derived from ecological studies, examines the representation of nature and the interaction of organisms with their environment in literary texts. From an ecocritical perspective, human interaction with nature is viewed holistically, encompassing the relationship between humans and the interconnected ecosystem. This study highlights the implications of human activities, such as land reclamation, on the environment, including river pollution, mudslides, and rising temperatures, which threaten the well-being of life. The primary focus of the article is an analysis of A Halim Ali's poetrays through anthology of `Meraut Air Limpah` (2007), which address issues of natural disasters. Using an ecocritical approach, the article examines how these poems provide insight into the dynamic interaction between humans and nature and the role of literature in raising awareness about the importance of environmental preservation.

Keywords: *Ecocritic, disaster, literary works, nature, geography*

PENGENALAN

Sastera dan geografi mempunyai ikatan yang amat erat dari segi pengetahuan dan kaedah penyampaian. Ahli geografi mengkaji fenomena-fenomena alam menggunakan kaedah saintifik, manakala sasterawan pula menterjemahkan perasaan dalam bentuk sajak dan melankolik. Salah satu elemen geografi yang berkaitan dengan bidang kesusasteraan ialah elemen eko kritik. Konsep eko kritik menurut Kamarul *et. al* (2023) merupakan konsep yang mengkaji hubungan antara kesusasteraan dan alam semulajadi. Manusia dan alam sekitar sentiasa berinteraksi antara satu dengan yang lain, justeru hubungan manusia dengan alam persekitaran serta unsur-unsur di dalamnya adalah saling berkesinambungan dan tidak boleh dipisahkan. Malah, manusia itu sendiri merupakan sebahagian daripada alam keseluruhannya yang bertindak sebagai pentadbir alam semulajadi sesuai dengan keistimewaan manusia yang dikurniakan akal yang waras untuk berlaku adil dan memikul tanggungjawab dengan penuh amanah. Makalah ini mengupas puisi A. Halim Ali yang menggunakan pendekatan ekokritik khususnya dalam mengangkat peristiwa atau kejadian bencana yang berlaku disekeliling kita.

SOROTAN LITERATUR

Konsep ekokritik secara umumnya disesuaikan daripada kajian ekologi iaitu bidang kajian tentang interaksi dinamik organisma hidup dengan persekitaran mereka. Konsep ini memberi tumpuan kepada perwakilan alam semula jadi dan organisma dalam karya sastera, serta bagaimana aspek ini boleh membantu manusia menghargai kepentingan alam sekitar. Walaupun alam semulajadi dan persekitaran telah lama menjadi sebahagian tumpuan dalam bidang sastera, elemen eko kritik hanya mendapat perhatian serius dalam penulisan karya sastera bermula pada era 1970-an (Prajapati, 2017). Menurut penulis, konsep ini pertama kali digunakan oleh William Rueckert melalui tulisan beliau yang bertajuk "*Literature and Ecology: An Experiment in Ecocriticism*" pada tahun 1978. Pendekatan konsep eko kritik oleh Rueckert dibentuk dengan merujuk kepada karya tiga penulis Amerika abad ke-19, iaitu Ralph Waldo Emerson, Margaret Fuller, dan Henry David Thoreau, serta penyair British dari era Romantik seperti Wordsworth, Coleridge dan Keats.

Menjelang tahun 1990-an, konsep ekokritik semakin berkembang dalam bidang sastera serentak dengan penubuhan *Association for the Study of Literature and Environment* (ASLE) pada tahun 1992 dan diikuti dengan penerbitan tulisan-tulisan penting seperti "The Ecocriticism Reader" oleh Cheryll Glotfelty dan Harold Fromm, serta "The Environmental Imagination" oleh Lawrence Buell pada tahun 1996.

Sejak daripada itu, *ecocriticism* telah berkembang menjadi satu bidang kajian yang komprehensif, merangkumi kajian hubungan manusia dengan alam semula jadi dan buatan. Pendekatan ini menghubungkan sastera dengan isu-isu kontemporari seperti pencemaran, pemeliharaan hidupan liar, bencana alam, dan pemuliharaan tanah (Khomisah, 2020). Dalam konteks bencana alam, *ecocriticism* mengkaji bagaimana pengalaman manusia terhadap fenomena alam ekstrem direpresentasikan dalam sastera, sekaligus mendedahkan sikap budaya, ideologi, dan tanggapan terhadap fenomena ini (Garrard, 2004). Gred Garrard (2004) dalam tulisan beliau membahagikan ekokritisme kepada beberapa tema yang berbeza iaitu:

Kiamat (Apocalypse)

Kiamat dari perspektif ekokritisme oleh Garrard (2004) selain daripada merujuk kepada pengakhiran sebenar dunia ini, tetapi tahap-tahap yang dilalui didunia ini sebelum berlakunya kiamat yang sebenarnya. Garrard melihat konsep ini dari pelbagai perspektif seperti agama dan ramalan, yang sering digunakan untuk menggambarkan peristiwa kehancuran besar-besaran. Dalam perbincangan berkaitan alam sekitar, kiamat dijadikan analogi untuk menunjukkan kesan tindakan manusia terhadap ekosistem, dan bagaimana kesedaran ini boleh menjadi dorongan dan motivasi kepada manusia untuk membuat perubahan supaya dapat meminimalkan kesan kerosakan akibat daripada tindakan mereka.

Pencemaran (Pollution)

Garrard menekankan bahawa pencemaran adalah isu moral selain daripada isu alam sekitar. Pencemaran berlaku apabila sesuatu bahan atau elemen berada di tempat yang salah atau dalam konteks yang tidak sesuai. Sebagai contoh, pencemaran air sungai atau pencemaran plastik di lautan. Pencemaran tidak semestinya berkaitan dengan bahan spesifik tetapi lebih kepada interaksi bahan tersebut dengan persekitaran sehingga menimbulkan kesan negatif.

Tema ini membahas bagaimana pencemaran alam yang merupakan fenomena zaman moden dari sudut pandangan sastera dan budaya. Menilai bagaimana masalah pencemaran berlaku, siapa yang mencetuskan masalah ini dan bagaimana masyarakat beradaptasi dengan masalah yang berlaku di sekeliling mereka. Tulisan-tulisan awal oleh para environmentalis seperti Rachel Carson (1962) dalam tulisan bertajuk *Silent Spring* menunjukkan bagaimana bahan kimia buatan manusia mencemarkan alam sekitar, menimbulkan kesan mendalam pada ekosistem dan kehidupan manusia.

Bumi (The Earth)

Garrard mentakrifkan bumi sebagai keseluruhan sistem dalam alam semesta yang merangkumi pelbagai cabaran yang dihadapinya. Beliau mengaitkan isu seperti pertumbuhan populasi manusia yang berlebihan dengan globalisasi dan kapitalisme. Kesan pertumbuhan penduduk menyebabkan peningkatan eksploitasi sumber bumi, yang berpotensi membawa kepada kehancuran ekosistem secara besar-besaran jika tidak dikawal.

Kesedaran Alam Sekitar (Environmentalism)

Garrard menggambarkan kesedaran alam sekitar sebagai gerakan sosial yang besar, melibatkan individu yang peduli terhadap isu seperti perubahan iklim tetapi tidak mahu mengorbankan cara hidup sedia ada. Gerakan ini sering dikaitkan dengan aktiviti rekreasi seperti berkhemah, mendaki, dan penglibatan dalam organisasi alam sekitar. Walaupun golongan ini prihatin terhadap isu alam sekitar, mereka sering menolak perubahan sosial radikal seperti penghapusan kapitalisme atau perubahan besar dalam struktur masyarakat.

Kedalaman Ekologi (Deep Ecology)

Kedalaman ekologi adalah falsafah yang mengutamakan nilai moral alam semula jadi di atas kepentingan manusia. Pendekatan ini menyeru perubahan sistem nilai manusia, daripada perspektif manusia-berpusat (anthropocentric) kepada fokus kepada alam (ecocentric). Dalam falsafah ini, kemusnahan alam dilihat sebagai akibat langsung daripada pertumbuhan populasi manusia yang tidak terkawal, di mana alam dimanipulasi untuk memenuhi keperluan manusia, tanpa mengambil kira impak kepada ekosistem.

Berdasarkan kepada tema-tema kecil yang dikemukakan oleh Garrard (2004) ini, jelas menunjukkan bahawa peranan penyair dan sastera sangat penting dalam menggambarkan kejadian bencana seperti banjir, gempa bumi, ribut taufan dan menyoroti perjuangan manusia dalam menghadapi ketidakpastian dan kehilangan nyawa serta harta benda. Naratif-naratif ini turut menjadi medium untuk menyampaikan mesej ekologi dan membangkitkan kesedaran mengenai pentingnya menjaga keseimbangan alam.

METODOLOGI

Kajian tentang hubungan antara alam sekitar dengan penulisan puisi menurut Hamoud Yahya dan Ruzy Suliza (2012) merupakan suatu bidang kajian baharu dalam genre kritikan sastera moden. Kajian ini menarik perhatian ramai pengkritik kerana ia kajian memberi fokus kepada kesan hubungan antara manusia dengan alam sekeliling mereka. Pendekatan ini membolehkan penyair menyampaikan mesej tentang kemusnahan alam secara lebih menyeluruh. Penerapan mesej tentang keperluan untuk

memulihara dan menjaga kelestarian alam sekitar dalam karya sastera ini menggunakan pendekatan eko kritik.

Penulisan karya sastera dalam bentuk kritikan eko muncul sekitar pertengahan tahun 1990-an apabila Glotfelty & Fromm (1996) menulis buku bertajuk *The Ecocriticism Reader* dan *The Environmental Imagination* yang ditulis oleh Buell (1996). Namun begitu, istilah ecocriticism sebenarnya telah mula digunakan oleh Rueckert (1978) melalui tulisannya yang bertajuk *Literature and Ecology: An Experiment in Ecocriticism*. Secara umum konsep eko kritisme menurut pandangan Glotfelty & Fromm (1996) adalah kajian hubungan antara sastera dan persekitaran fizikal yang berperanan menyasat hubungan antara manusia dengan alam semula jadi dalam sesebuah teks sastera.

Menurut Mohd Saberi & Mas Rynna Wati (2019), interaksi alam semula jadi bersifat holistik, ia bukan sahaja melibatkan hubungan manusia dengan alam semata-mata, tetapi meliputi seluruh kehidupan lain yang saling melengkapi dalam ekosistem setempat. Penelitian terhadap eko sistem wujud hasil daripada saling tindakan antara komponen-komponen hidup dan bukan hidup merupakan satu salah satu cabang ekologi yang disebut sebagai ekologi manusia. Sebagai contoh, kegiatan tebus guna tanah untuk pembangunan yang tidak terkawal akan memberi kesan kepada alam sekitar seperti pencemaran sungai, banjir lumpur dan bahang panas yang meningkat yang sudah tentu menggugat kesejahteraan kehidupan. Justeru, artikel ini mengupas elemen eko kritik berkaitan bencana alam dari sudut pandangan penyair A Halim Ali melalui antologi puisi bertajuk *Meraut Air Limpah* (2007).

LATAR BELAKANG PENYAIR A. HALIM ALI

A. Halim Ali lahir pada 27 April 1964. Beliau berasal dari Merchang Terengganu serta berkelulusan ijazah doktor falsafah dalam bidang teori sastera. Sebelum menyertai Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), A. Halim Ali pernah bertugas sebagai guru di beberapa buah sekolah di negeri Sarawak, Terengganu dan Pahang. Kini beliau merupakan Profesor di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia. A. Halim banyak menghasilkan karya puisi dan kritikan sastera. Karya puisi dan kritikan beliau banyak tersiar dalam majalah *Dewan Sastera*, *Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)*, pelbagai jurnal dan akhbar-akhbar tempatan. Beliau juga adalah pengulas tetap ruangan ulasan sajak majalah *Tunas Cipta*, DBP pada tahun 2008-2011.

Dalam persatuan beliau menganggotai Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP) sebagai ahli jawatankuasa, Presiden Persatuan Penulis Budiman Malaysia (BUDIMAN) dan Presiden Pertubuhan Ahli Akademik dan Profesional Anak Terengganu (PERAPAT). Dalam pentadbiran, Abdul Halim pernah dilantik sebagai Ketua Jabatan Kesusasteraan Melayu, Timbalan Dekan Pengurusan dan Penyelidikan Fakulti Bahasa, Felo Penyelidik Institut Peradaban Melayu, Pengarah Pusat Perhubungan Alumni, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, 2011 hingga 2017 dan Pengarah Pusat Ulul Albab, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2019-2022.

A. Halim Ali pernah dilantik sebagai sebagai Pensyarah Pelawat di Faculty of Education, Fatoni University of Thailand (2018), Profesor Pelawat di Ilmu Budaya, Universitas Sumatera Utara, Medan, Indonesia (2021-2022), Profesor Adjung di Akademi Seni dan Warisan Kebangsaan Malaysia (2020-2024). A. Halim Ali juga merupakan ahli Jawatankuasa Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) Malaysia, 2023-2025. Dalam buku *Proses kreatif: Model dan Pengalaman Penyair* (2022) ada menyebutkan penglibatan A. Halim Ali dalam bidang penulisan. Di antara karya puisi beliau yang diterbitkan ialah kumpulan puisi *Permintaan Alam* (2000), *Citra Kehidupan* (2005) dan *Melihat ke dalam Diri* (2015). Beliau turut menyelenggarakan beberapa antologi puisi seperti *Balada Suluh Budiman* (2002), *Meraut Air Limpah* (2007), *Wahai Api Jadilah Embun Jadilah Dingin* (2005), *Dalam Redup Wajah Ibu* (2008), *Unggun Kebahagiaaan* (2011), *Api dan Air Mata Rohingya* (2012) dan *Simpanlah dalam Ingatanmu* (2012), *Pilar-pilar Waiduri* (2012), dan *Kuibarot Lilin II* (2014) serta *Puisi Kemanusiaan PALU* (2019). Selain karya kreatif, A. Halim juga telah menghasilkan banyak buku akademik, artikel jurnal dan makalah persidangan.

Tulisan dan kritikan berkaitan dengan karya puisi dan kepenyairan A. Halim Ali banyak ditulis oleh tokoh-tokoh sarjana dan pengkaji. Hasil tulisan tersebut pernah dikumpulkan dalam buku berjudul *Sajak-Sajak A. Halim Ali dalam Tafsiran dan Kritikan* (2024) yang diselenggarakan oleh Ghazali Din. Selain itu, sebuah seminar yang membicarakan tentang pemikiran A. Halim Ali juga

pernah diadakan pada 4 Julai 2024 dengan sorotan kajian dan kritikan terhadap karya sajak, teori, kepimpinan, kepenyairan dan sumbangan A. Halim Ali dalam bidang Pendidikan Kesusasteraan Melayu serta penglibatannya di peringkat antarabangsa.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Fenomena bencana alam merupakan suatu peristiwa atau kejadian yang melanda seluruh pelusuk bumi sama ada di kawasan yang mendatar, landai mahupun di cerun. Bencana alam yang berlaku boleh meragut ribuan nyawa manusia, kemusnahan tempat tinggal, kehilangan harta benda dan kerosakan alam sekitar. Bencana dari sudut umumnya diklasifikasikan dalam dua bentuk iaitu semulajadi dan buatan manusia. Bencana semulajadi adalah kejadian yang disebabkan oleh faktor-faktor semulajadi seperti banjir, tanah runtuh, banjir lumpur dan lain-lain yang di luar kawalan manusia, manakala bencana akibat perbuatan manusia dikenali sebagai bencana sosioteknikal (Muhammad et. al, 2021). Bencana alam yang melanda di seluruh dunia menarik perhatian ramai pengkaji dalam bidang sains dan teknologi untuk mencari punca permasalahan dan penyelesaian kepada permasalahan yang berlaku.

Namun begitu peranan memberi kesedaran tentang bahaya bencana kepada masyarakat menjadi tanggung jawab semua pihak termasuk para sasterawan yang menyampaikan pesan dan rasa empati kepada mangsa-mangsa yang terlibat dalam malapetaka tersebut. A. Halim Ali yang merupakan penyair prolific mengumpulkan puisi-puisi tentang bencana banjir besar yang berlaku di Johor dalam sebuah antologi puisi yang bertajuk *Meraut Air Limpah* (2007). Dalam antologi ini sejumlah 80 buah puisi telah berjaya dihasilkan yang membicarakan pelbagai sudut pandangan penyair tentang bencana luar biasa yang berlaku di negeri Johor khususnya. A. Halim Ali sendiri pada halaman 15 menulis:

Meraut air limpah
(di situ ada bhagia yang cantik terolah)

Duri air bercerancangan menusuk tajam pantai Mersing
keras bisanya melimpah ke Kota Tinggi
deru angin China selatan nanar dalam sewang batin Rompin
Tebing, lembah, lurah beting dan anak tanjung
tersiah dalam pusar air malam
lumpur, sampah sarap, pasir, kelodak dan air limpah
berhimpun meramas duka di dada anak Takzim

Tajuk puisi A. Halim Ali `Meraut air limpah` dalam antologi puisi kemanusiaan ini cukup jelas memberi bayangan terhadap kekuatan daya air yang melimpah, melambangkan kekacauan dan pengaruh alam semula jadi terhadap kehidupan. Dalam rangkap pertama puisi ini, penyair dengan bijak membahagikan rangkap puisi kepada beberapa tema kecil, iaitu kekuatan alam semulajadi, interaksi manusia dan alam serta tema kepedihan dan ketabahan.

Puisi ini menggambarkan kehebatan dan kekuatan alam melalui perlambangan air yang tajam, angin yang kencang, serta unsur-unsur alam seperti lumpur dan kelodak. Alam digambarkan sebagai kuasa yang tidak dapat dikawal, memberi kesan kemusnahan kepada kawasan-kawasan tertentu yang meletakkan interaksi manusia dengan alam semulajadi. Pemilihan lokasi geografi seperti Mersing, Kota Tinggi, dan Rompin memberi gambaran saling hubungan antara manusia dengan alam sekeliling yang rentan terhadap kejadian bencana banjir. Manakala pada baris berikutnya, penyair menulis, "*meramas duka di dada anak Takzim,*" membawa nuansa emosi yang mendalam. Ia menunjukkan kesedihan yang dialami oleh penduduk akibat kemusnahan yang mereka alami dan memberi cerminan ketabahan dan hubungan emosi yang mendalam dengan tempat tinggal mereka. Banjir luar biasa yang melanda Selatan tanah air ini menyebabkan seluruh warga Johor berdukacita. Dalam konteks ini, puisi ini boleh dilihat sebagai refleksi ekokritik, yang mengkaji bagaimana bencana alam ini bukan sahaja mencetuskan kerosakan fizikal, tetapi juga mempengaruhi emosi dan psikologi masyarakat.

Pada rangkap kedua A. Halim Ali menyambung:

Salam pantai timur terucap di anjung selatan
Membisik cerita tengkujuh dan derita mausia yang
Kehilangan;
Tabahlah merasai apa yang pernah orang lain deritai
Ingatlah kisah Aceh yang kehilangan kota Melaboh
Tanah Jawa yang dibaluti lumpur, darah dan air mata
Jogjakarta yang memanjang peta malapetaka gempa
Kita disini, baru bermula melakar puisi duka

Pada rangkap kedua puisi ini, A. Halim Ali menyinggung pembaca dengan membawa mereka mengembara dalam perspektif ekokritik bencana. Elemen alam tidak hanya berfungsi sebagai latar belakang dalam puisi ini, tetapi dilihat sebagai entiti yang aktif mempengaruhi kehidupan manusia. Baris "*Salam pantai timur terucap di anjung selatan*" merujuk kepada kedudukan geografi yang terdedah kepada musim tengkujuh, di mana kawasan seperti Johor juga berpotensi menerima tempas banjir besar akibat hujan lebat dan limpahan air sebagaimana yang dialami oleh negeri-negeri pantai timur saban tahun.

Rangkap puisi ini juga mengingatkan pembaca tentang kesedihan yang dialami oleh masyarakat yang terjejas oleh bencana alam, seperti yang dibayangkan dalam sebutan tempat seperti Aceh, Jawa, dan Jogjakarta yang pernah dilanda malapetaka. "*Lumpur, darah dan air mata*" mencerminkan kesan langsung perubahan ekosistem yang disebabkan oleh aktiviti manusia, seperti penebangan hutan dan pembangunan yang tidak terkawal, yang menyebabkan tanah tidak lagi dapat menampung aliran air yang berlebihan, menghasilkan banjir yang merosakkan. Ini menunjukkan bahawa alam semula jadi bukan hanya pasif dalam peristiwa bencana, tetapi merupakan respons terhadap tindakan manusia yang tidak seimbang dengan kelestarian alam semulajadi.

Melalui rangkap kedua puisi ini juga, penyair dengan teliti menyelitikan unsur waspada dan peringatan kepada pembaca sebagai amaran supaya untuk lebih berhati-hati ketika berinteraksi dengan alam. Baris "*Kita di sini, baru bermula melakar puisi duka*" memberi gambaran bahawa masyarakat kini sedang berada dalam fasa awal menghadapi bencana alam yang disebabkan oleh ketidakseimbangan hubungan antara manusia dan alam. Baris ini merupakan seruan kolektif penyair agar individu dan masyarakat lebih bertanggungjawab dalam menjaga alam sekitar dan mengelakkan bencana yang lebih buruk pada masa akan datang. Dengan merujuk kepada tragedi di tempat lain, puisi ini juga menyeru manusia untuk berfikir secara holistik, menyedari bahawa alam semula jadi dan manusia saling bergantung antara satu sama lain. Tegasnya, pendekatan ekokritik dalam puisi ini bukan sahaja menggalakkan penghargaan terhadap alam, tetapi juga memberi peringatan tentang tanggungjawab moral untuk melestarikan ekosistem agar bencana alam seperti banjir dapat diminimumkan di masa depan. Pada rangkap ketiga A. Halim Ali menulis;

Ya! Tuhan menghantar pengajaran untuk kita segera
menghitung nikmat-Nya dalam ribuan derita
lumpur, sampah sarap, pasir, kelodak dan air limbah
ratap tangis, jerit dan lolongan manusia yang
kehilangan
tidak sekadar itu untuk Dia menguji dan
mengkehendaki
tetapi, rautilah jemari dan imanmu di celah air limbah
di situ ada bahagia yang cantik terolah.

Pada rangkap ini penyair menampilkan sebuah refleksi yang mendalam mengenai penderitaan manusia dalam menghadapi bencana alam dan bagaimana ia dapat dilihat sebagai ujian atau pengajaran dari Tuhan. Baris pertama, "*Ya! Tuhan menghantar pengajaran untuk kita segera*" mengisyaratkan bahawa bencana alam, walaupun membawa kesedihan, adalah satu bentuk ujian atau peluang untuk merenung semula nikmat yang sering kali dipandang remeh oleh manusia. Dalam

konteks banjir atau bencana alam yang melanda Johor dan kawasan sekitarnya, ini merujuk kepada kesulitan yang dihadapi oleh masyarakat yang kehilangan tempat tinggal, harta benda, atau nyawa mereka, namun bencana yang melanda juga mengingatkan mereka yang lalai untuk menghargai nikmat yang ada. Pada baris berikutnya, penyair menggambarkan kesan bencana melalui imejan yang nyata, seperti *“lumpur, sampah sarap, pasir, kelodak dan air limbah”* yang menggambarkan kerosakan fizikal yang dihadapi oleh alam semulajadi. Ini juga mencerminkan bagaimana alam yang tidak terkawal boleh membawa kerosakan yang besar, namun dalam kekacauan itu, ada suatu pengajaran atau hikmah yang lebih besar. Penggunaan kata-kata seperti *“ratap tangis, jerit dan lolongan manusia yang kehilangan”* menggambarkan kesedihan dan keputusasaan, menunjukkan betapa besarnya kehilangan yang dialami oleh mereka yang terkesan.

Dalam baris *“tidak sekadar itu untuk Dia menguji dan mengkehendaki”*, rangkap puisi ini menyatakan bahawa bencana bukan sekadar ujian fizikal, tetapi juga ujian terhadap kekuatan iman dan ketabahan. Melalui kesusahan dan penderitaan, manusia diuji dalam ketahanan rohani dan kemampuannya untuk bertahan. Baris *“tetapi, rautilah jemari dan imanmu di celah air limbah”* memberi maksud bahawa dalam setiap kesulitan, ada ruang untuk menguatkan iman dan memperbaiki diri. Walaupun bencana membawa penderitaan, ia juga boleh membuka peluang untuk melihat kebahagiaan yang lebih dalam dan nilai kehidupan yang lebih bermakna. Akhirnya, rangkap puisi ini menyimpulkan dengan optimis bahawa di sebalik penderitaan *“di situ ada bahagia yang cantik terolah”*. Dalam kesulitan dan kepayahan, ada peluang untuk menemui kebahagiaan sejati, bukan hanya dalam bentuk material, tetapi dalam bentuk rohani, pemahaman yang lebih mendalam tentang hidup, dan penghargaan terhadap nikmat yang sering dilupakan. Melalui perspektif ekokritik, puisi ini juga mengingatkan kita bahawa alam adalah ujian dan pengajaran dari Tuhan, dan melalui penderitaan yang disebabkan oleh bencana, kita harus berusaha untuk menghargai dan menjaga keseimbangan ekosistem kita. Dalam rangkap terakhir puisi, penyair menyeru pembaca kembali menghitung amalan diri dengan menulis;

Kini kita mesti segera mengerti
menjadi lebih insaf dari kesedaran dahulu
tentang indah dan kasih sayang tuhan
tersembunyi di sebalik himpunan
lumpur, sampah sarap, pasir, kelodak dan air limbah
yang kau deritai dn tangiskan

Dalam rangkap puisi ini penyair menulis, *“Kini kita mesti segera mengerti”* yang memberi gambaran bahawa bencana yang berlaku membuka mata manusia untuk memahami erti kehidupan, serta mengambil pengajaran daripada peristiwa yang berlaku. Rangkap terakhir puisi ini menyeru pembaca supaya sedar bahawa bencana alam seperti banjir yang membawa *“lumpur, sampah sarap, pasir, kelodak dan air limbah”* bukan sekadar ujian fizikal, tetapi juga peluang untuk merenung dan menginsafi diri.

Pada baris kedua, penyair menekankan perlunya perubahan dalam cara manusia menghargai dan memahami kehidupan. Penderitaan yang dialami, terutama yang disebabkan oleh bencana alam, harus menjadi titik tolak untuk membawa perubahan dalam sikap dan perspektif terhadap alam semula jadi dan segala yang ada di dalamnya. Bencana alam, seperti yang digambarkan melalui imejan lumpur, sampah sarap, dan air limbah, adalah simbol kesulitan yang tidak hanya menguji kekuatan fizikal manusia, tetapi juga kesedaran rohani dan emosional mereka terhadap ciptaan Tuhan.

Walaupun bencana atau penderitaan ini membawa kesusahan, ia juga dapat membuka ruang untuk manusia lebih menghargai nikmat Tuhan dan menyedari bahawa dalam kesulitan tersebut, ada pembelajaran dan kebahagiaan yang lebih mendalam. Dengan perspektif ekokritik, rangkap puisi ini mengajak pembaca untuk melihat bencana alam sebagai sebahagian daripada ekosistem yang lebih besar, di mana manusia perlu memainkan peranan yang lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Alam bukan sahaja menjadi sumber ujian, tetapi juga cermin kepada hubungan manusia dengan Tuhan. Dalam konteks banjir di Johor, misalnya, kesedaran akan kerosakan alam yang disebabkan oleh pembangunan yang tidak terkawal perlu diimbangi dengan kesedaran rohani tentang bagaimana kita harus menjaga dan memulihara alam demi kesejahteraan bersama.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, puisi-puisi karya penyair A. Halim Ali tentang bencana, terutama puisi bertajuk *Meraut Air Limpah* yang dimuatkan dalam antologi puisi kemanusiaan (2007) membawa mesej yang mendalam tentang hubungan antara manusia, alam, dan bencana. Melalui penggunaan perlambangan alam yang menakutkan seperti air limbah, lumpur, dan sampah sarap, penyair menggambarkan kekuatan alam semulajadi yang melimpah serta kesan kemusnahan terhadap kehidupan manusia. Dalam konteks ekokritik, puisi ini mencerminkan bagaimana alam bukan sahaja menjadi punca bencana, tetapi juga sebagai refleksi terhadap tindakan manusia yang tidak seimbang dengan kesatuan ekosistem. Bencana alam, seperti yang digambarkan oleh penyair A. Halim Ali, bukan hanya ujian fizikal, tetapi juga menguji ketabahan rohani dan kesedaran manusia tentang hubungan mereka dengan alam sekitar. Setiap kesulitan yang dihadapi akibat bencana membawa peluang untuk merenung dan menghargai nikmat yang sering terlepas pandang. Puisi ini juga menyeru kepada kesedaran bahawa manusia harus bertanggungjawab menjaga alam agar bencana seperti banjir dapat diminimumkan pada masa depan. Sebagai pengajaran dari Tuhan, secara tersirat memberi peluang untuk pembaharuan dalam pemahaman hidup dan penghayatan terhadap kasih sayang-Nya yang tersembunyi di balik kesulitan. Secara keseluruhannya, karya A. Halim Ali mengajak pembaca untuk melihat bencana alam sebagai satu cabaran yang bukan sahaja melibatkan kerosakan fizikal, tetapi juga perubahan dalam sikap dan perspektif terhadap alam semula jadi. Dalam kerangka ekokritik, puisi ini mengingatkan kita akan pentingnya menjaga keseimbangan ekosistem dan memainkan peranan aktif dalam memastikan kelestarian alam demi kesejahteraan bersama.

RUJUKAN

- A. Halim Ali (2007) *Meraut air limbah. Antologi Puisi Kemanusiaan*, Tanjung Malim: Penerbit Profesional Baharu.
- A. Halim Ali (2015) *Wacana Teori dan Kritikan Sastera*. Shah Alam: NHA Excell Resources
- Abdul Halim Ali, Siti Nor Amalina Ahmad Tajuddin, Mazdi Marzuki, Miftachul Huda (2020) `Digital Approach of Malay Literature through Interactive Computer Method (ICM): A Proposed Framework Model`, *Solid State Technology*, vol.63(6), p. 12651-12666
- Garrard, G. (2004). *Ecocriticism*. Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780203644843>
- Ghazali Din (2024) *Sajak-Sajak A. Halim Ali Dalam Tafsiran & Kritikan*. Tanjung Malim: Persatuan Penulis Budiman Malaysia.
- Hamoud Yahya dan Ruzy Suliza (2012). An Ecocritical Reading of Selected Poems of Muhammad Haji Salleh. *Malay Literature*, [S.l.], v. 25, n. 1, p. 1-17.
- Ismail, K., Marzuki, M., & Kamarul, N. A. Z. (2023). Elemen Eko Kritik Dalam Puisi "Permintaan Alam" Karya A. Halim Ali: <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/>
- Khomisah Khomisah. (2020). Ekokritik (Ecocriticism) Dalam Perkembangan Kajian Sastra. Al-Tsaqafa: Jurnal Ilmiah Peradaban Islam, 17(1), 83–94. <https://journal.uinsgd.ac.id/index.php/jat/article/view/6032/4451>
- Mohd Saberi Muda dan Mas Rynna Wati Ahmad (2019). `Eko-kritik dalam puisi Melayu`. *Akademika*, 89 (1). pp. 29-39.
- Muhammad Aniq Sapini (2024) `Seminar Pemikiran A. Halim Ali Keilmuan Kemajuan Kesusasteraan Melayu`, dimuatturun daripada <https://tunascripta.jendeladbp.my/2024/07/05/8488/>
- Muhammad, Khairul Azhar Meerangani, Farhat, & Aizul Mohd Ismon. (2021). Pengurusan Risiko Bencana Alam Berteraskan Maqasid Syariah: Satu Sorotan Literatur. *Jurnal 'Ulwan*, 6(1), 191–201. <https://unimel.edu.my/jurnal/index.php/JULWAN/article/view/853>
- Prajapati, Ram A. (2017) Environmental Concern in the Poetry of Syed Ameeruddin. *The Creative Launcher*, vol. 2, no. 4, 31 Oct. 2017, pp. 79-83. <https://www.redalyc.org/pdf/7038/703876864013.pdf>
- Rueckert, W. (1978). Literature and Ecology: An Experiment in Ecocriticism. In *Iowa Review* 9, no. 1 (1978): 71-86.